



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

**TEKS UCAPAN**

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN**  
**PROGRAM KESEJAHTERAAN PA PPR – QUICK WIN**  
**DBKL**

**27 JULAI 2024**

**DATARAN PA SERI KOTA**  
**DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ

الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ

الْعَالَمِينَ،

وَالصَّلَاةِ

وَالسَّلَامِ عَلَى

سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

أَشْرَفِ

المرسلين و  
وعلى آله  
وصحبه أجمعين

## **SALUTASI AKAN DISEDIAKAN**

Assalamualaikum                      warahmatullahi  
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
Malaysia MADANI.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran kepada

Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya kita dapat bersama-sama pada pagi ini untuk merealisasikan Program Kesejahteraan Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau kita namakan sebagai Projek Quick Win yang semestinya akan memberi manfaat kepada penduduk di PA dan PPR yang terlibat.

2. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) atas penganjuran program ini yang secara asasnya mencerminkan komitmen Kerajaan

MADANI terhadap pembangunan dan pemeraksanaan komuniti, khususnya di Kuala Lumpur.

**PERANAN SEMUA PIHAK UBAH  
PERSEPSI TERHADAP KAWASAN  
PERUMAHAN PA PPR**

Para hadirin sekalian,

3. Statistik terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan bahawa penghuni Kuala Lumpur telah mencecah populasi seramai 1.6 juta orang, dan satu perempat daripada jumlah tersebut

adalah merupakan penduduk di PA dan PPR dengan jumlah sebanyak kira-kira 450,000 orang penduduk di 64 lokasi.

4. Jumlah ini menjadikan ianya signifikan untuk kami di Jabatan Wilayah Persekutuan, khususnya DBKL memberikan tumpuan yang khusus kepada penduduk di kawasan ini.
5. Secara umum, kita mengetahui bahawa kawasan PA dan PPR ini sering menjadi tumpuan nasional dengan pelbagai cabaran yang perlu diatasi seperti isu vandalisme, gejala sosial dan aktiviti jenayah. Saya yakin, segala cabaran ini boleh diatasi melalui

tanggungjawab yang dimainkan oleh penduduk sendiri.

6. Dengan peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh komuniti, kita akan dapat melahirkan sebuah generasi yang lebih kuat dan utuh pada masa akan datang.
  
7. Selain itu, menjadi kewajaran kepada pihak DBKL juga untuk mengubah persepsi kawasan perumahan yang berusia mencecah 30 hingga 50 tahun ini kepada kawasan perumahan yang lebih berdaya saing serta memenuhi keperluan penduduk dan masyarakat memandangkan pembangunan

perumahan yang seimbang merupakan elemen penting kepada masyarakat dan penduduk di Kuala Lumpur, selain merapatkan kesenjangan di antara kawasan perumahan PA dan PPR ini dengan pembangunan yang pesat di kota Kuala Lumpur.

## **PROJEK QUICK WIN BERI PENEKANAN KEPADA 4 ELEMEN UTAMA**

Para hadirin sekalian,

8. Saya difahamkan, program pada hari ini yang melibatkan partisipasi daripada komuniti penduduk serta kerjasama pihak swasta dan NGO

adalah merupakan salah satu platform untuk mengatasi isu-isu yang telah saya sebutkan sebentar tadi, khususnya melibatkan 4 elemen yang ditekankan dalam program ini iaitu isu kebersihan, keindahan, kehijauan dan keselamatan yang semakin meruncing di kawasan perumahan seperti ini.

9. Sehubungan itu, terima kasih saya ucapkan kepada semua rakan-rakan kolaboratif antaranya pihak ThinkCity, NADi dan Urbanice Malaysia atas kesudian bersama-sama memastikan program pada hari ini berjalan dengan baik dan lancar melalui pendekatan *whole-of-nation*.

10. Saya turut difahamkan, projek Quick Win ini telah pun dimulakan pada Jun yang lalu dan akan berterusan sehingga penghujung tahun ini dengan memberi fokus kepada kerja-kerja membaik pulih dan penambahbaikan untuk memberi *added-value* kepada sesuatu kawasan seperti gotong-royong bersepadu, keceriaan dan keindahan, cantasan pokok dan penanaman pokok baharu serta penundaan kenderaan buruk.
  
11. Saya melihat program ini juga boleh dipadankan dengan keperluan dan kehendak dunia melalui *Sustainable Development Goals* (SDG) yang telah ditetapkan oleh pihak United Nations.

## **DBKL LAKSANA PENGUATKUASAAN BERTERUSAN SITA DAN TUNDA KENDERAAN TINGGAL DAN USANG**

Para hadirin sekalian,

12. Antara intipati program ini adalah penundaan kenderaan buruk dan rosak. Jika dahulunya kawasan perumahan ini mempunyai nisbah 4

rumah bersamaan 1 kereta, kini keadaan itu berubah sebaliknya, iaitu 1 rumah bersamaan 4 kereta. Ini menunjukkan bahawa berlaku peningkatan generasi kedua dan ketiga yang tinggal di kawasan perumahan ini.

13. Secara tidak langsung, ianya menimbulkan kepada masalah parkir. DBKL hadir dengan pembinaan tempat letak kereta bertingkat untuk mengatasi masalah ini, namun isu kereta tinggal atau kenderaan usang sudah menjadi penyakit yang serius.
14. Justeru, saya minta agar pihak DBKL dapat melaksanakan penguatkuasaan berterusan dengan menyita serta

menunda kenderaan-kenderaan ini, agar tiada lagi parkir dalam kawasan perumahan dijadikan tempat untuk kenderaan buruk.

15. Kepada para penduduk dan komuniti setempat, saya menyeru agar tidak mengulangi lagi sikap membiarkan kenderaan buruk yang tidak terpakai ini memandangkan ianya akan memburukkan imej kawasan perumahan tersebut.

## **PENUTUP**

Para hadirin sekalian,

16. Adalah menjadi harapan saya agar projek Quick Win ini akan diteruskan dan mendapat sambutan yang lebih membanggakan pada masa akan datang.
  
17. Insya-Allah melalui usaha ini, kita dapat mencapai kemajuan,

kemakmuran serta kesejahteraan ibu kota Kuala Lumpur ini, sekali gus menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya sejahtera untuk semua.

18. Sekali lagi, tahniah kepada Datuk Bandar *and the team* atas kejayaan program pada pagi ini. Dengan lafaz mulia Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Program Kesejahteraan Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau Project Quick Win.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah  
wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.

Terima kasih.